

Agong berkenan 14 akta diluluskan Parlimen

Oktober 3, 2022 11:30 MYT



Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah memperkenalkan 14 akta termasuk Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 mengenai peruntukan Larangan Ahli Parlimen Bertukar Parti. - Foto fail/BERNAMA

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah memperkenalkan 14 akta termasuk Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 mengenai peruntukan Larangan Ahli Parlimen Bertukar Parti yang diluluskan pada Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Parlimen ke-14 lepas.

Yang Dipertua Dewan Rakyat Tan Sri Azhar Azizan Harun berkata akta lain ialah Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Pembubaran) 2022, Akta Sistem Insurans Pekerja (Pindaan) 2022, Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2022 dan Akta Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (Pindaan) 2022.

Selain itu, Akta Kawalan Padi dan Beras (Pindaan) 2022, Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah (Pindaan) 2022, Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2022, Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2022 dan Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2022.

Akta yang turut diperkenan Seri Paduka ialah Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2022, Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2022, Akta Racun (Pindaan) 2022 dan Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022.

Azhar berkata demikian pada permulaan persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Beliau turut memaklumkan dewan mengenai perutusan Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Dr Rais Yatim yang menyatakan persetujuan Dewan Negara terhadap kesemua 25 rang undang-undang diluluskan Dewan Rakyat pada Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Parlimen Ke-14.